

BAB ENAM

PENUTUP

Dalam bab ini akan dikemukakan ringkasan kajian berhubung dengan perbincangan bab yang terdahulu di samping membuat kesimpulan yang sejajar dengan objektif kajian. Di bahagian akhir bab ini juga akan dikemukakan cadangan untuk kajian yang selanjutnya.

6.1 Ringkasan Dan Kesimpulan Kajian

Kajian ini telah dimulakan dengan pemaparan latar belakang kajian, objektif, skop, metodologi kajian dan definisi konsep asas kajian.

Penyelidikan tentang latar belakang kajian menyorot sejarah perkembangan wacana semenjak zaman Yunani dan Rom. Disorot juga tahap-tahap kerancangan kajian analisis wacana dalam pelbagai disiplin ilmu baik kajian wacana yang diusahakan oleh sarjana luar mahupun kajian tempatan yang menjurus kepada kajian wacana bahasa Melayu.

Terdapat empat objektif kajian yang diusahakan ini, iaitu melihat bagaimana struktur wacana disusun dengan meneliti kehadiran dan penempatan jenis dan subjenis tautan. Selain itu, untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada teks yang runtut dalam melihat sejauhmana keberkesanan tahap tautan dan runtutan dalam

menimbulkan kesan kefahaman terhadap pembaca. Juga, ditinjau sejauhmanakah peranan tautan dan runtutan dapat melahirkan teks yang bertaut dan runtut. Akhir sekali, kajian ini juga dilakukan dengan tujuan untuk melihat bentuk kebahasaan manakah yang mempunyai tingkat tautan dan runtutan yang tinggi. Daripada perbincangan dalam bab-bab yang sebelumnya, kesemua objektif tersebut telah tercapai.

Skop kajian ini hanya memberi perhatian terhadap kajian analisis tautan dan runtutan dalam wacana bahasa Melayu, iaitu melibatkan TK dan TM. Penyelidikan memfokuskan kajian terhadap analisis kehadiran jenis-jenis dan subjenis tautan terhadap kedua-dua teks dan melihat kesan runtutan terhadap pembaca. Pengkaji juga cuba melihat jalinan hubungan antara tautan dan runtutan dalam menentukan bentuk kebahasaan manakah yang lebih bertaut dan runtut. Penelitian juga meninjau sejauhmanakah angkuubah seperti jantina, bangsa, penggunaan BM sebagai bahasa ibuanda dan tahap pendidikan dalam membantu pencapaian tahap keterbacaan wacana di kalangan pembaca bagi melihat teks yang manakah yang lebih runtut.

Dalam metodologi kajian, dinyatakan pemilihan bahan kajian. Kajian ini melibatkan dua wacana bertulis, iaitu bab pertama teks klasik **Hikayat Iskandar Zulkarnain** dan teks laras cerpen yang bertajuk **Impian Gadis Pelumba**.

Penyelidikan ini juga melibatkan sebanyak 100 orang responden pelajar tahun 1, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, sesi 1994/95. Dalam bahagian Instrumen dan Teknik Pengumpulan Data pula telah dikemukakan beberapa teknik dalam mengumpulkan data-data yang secukupnya bagi kajian yang dijalankan. Resensi Kepustakaan dijadikan landasan awal untuk mendapatkan maklumat dan gambaran berkenaan kajian yang dijalankan. Kaedah-kaedah analisis tertentu juga digunakan, iaitu melibatkan analisis kehadiran jenis dan subjenis tautan kajian dengan bersandarkan skema asas yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976). Kajian soal selidik juga dilakukan untuk mengesan tahap kefahaman responden terhadap kedua-dua teks kajian.

Penyelidikan ini juga menggunakan definisi konsep yang digunakan seperti wacana, tautan, runtutan, ikatan anafora dan katafora, unit teks, jarak, eksofora dan endofora.

Tautan merupakan ikatan yang wujud di antara satu unsur dengan unsur yang lain di dalam sesebuah teks sama ada dalam bentuk hubungan semantik atau pun struktural. Runtutan pula dilihat pada umumnya sebagai kualiti kefahaman pembaca terhadap sesuatu teks secara logik.

Disorot juga pendapat-pendapat sarjana terdahulu dalam melihat hubungan tautan dan runtutan secara umum. Tiga model tautan dibincangkan, iaitu model tautan yang

dikemukakan oleh Weldemar Gutwinski (1976), Halliday dan Hasan (1976) dan Sanat Md. Nasir (1996) yang menghasilkan **Model Tautan Pindaan**. Walau bagaimanapun, analisis tautan yang dilakukan dengan bersandarkan model tautan yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan dalam buku mereka yang bertajuk **Cohesion In English** (1976). Unsur parafrasa dan paralelisme disertakan dengan mengambil pendekatan de Beaugrande dan Dressler (1981). Dan tiga model untuk menyelidiki kesan runtutan dikemukakan iaitu, oleh de Beaugrande dan Dressler (1981), Brown dan Yule (1982) dan Almeida (1984).

Hasil analisis terhadap kedua-dua teks, didapati hampir semua Unit Teks dalam TK dan TM mempunyai sekurang-kurangnya satu ikatan tautan. Manakala jenis dan subjenis tautan yang disenaraikan dalam kerangka teori, didapati hadir dalam kedua-dua teks kecuali unsur paralelisme, tidak ditemui dalam TM.

Ikatan tautan leksikal mempunyai kekerapan ikatan paling tinggi dalam TK mahupun TM. TK memperoleh kekerapan sebanyak 1561 ikatan (50.00%) manakala dalam TM hadir sebanyak 948 ikatan (46.40%). Subjenis leksikal yang hadir dalam TK ialah L1 sebanyak 1077 ikatan (69.00%), L2 sebanyak 78 ikatan (5.00%), L4 hanya 1 ikatan (0.06%), L5 sebanyak 405 ikatan (25.94%) dan L3 didapati tidak diperoleh dalam data kajian. Bagi TM pula, didapati L1 menggunakan sebanyak 670 ikatan (70.68%), L2

sebanyak 97 ikatan (10.23%), L3 sebanyak 25 ikatan (2.64%), L5 sebanyak 156 ikatan (16.45%) dan tautan jenis L4 juga tidak diperoleh dalam data kajian.

Tautan jenis rujukan menduduki tempat kedua dalam kedua-dua jenis teks yang dikaji, iaitu sebanyak 921 ikatan (46.40%) manakala TK sebanyak 906 ikatan (29.02%). Didapati semua subjenis rujukan hadir dalam kedua-dua teks yang dikaji. Dalam TK, R1 hadir sebanyak 689 ikatan (76.05%), R2 hadir sebanyak 201 ikatan (22.18%) dan R3 sebanyak 16 ikatan (1.77%). Dalam TM pula, R1 hadir sebanyak 817 ikatan (88.71%), R2 sebanyak 82 ikatan (8.90%) dan R3 sebanyak 22 ikatan (2.39%).

Tautan penghubung ayat pula menduduki tempat ketiga dalam kedua-dua teks, iaitu sebanyak 637 ikatan (20.40%) dalam TK dan 49 ikatan (24.7%) dalam TM. Didapati TK banyak menggunakan tautan penghubung ayat terutamanya subjenis tautan C3 iaitu sebanyak 547 ikatan (85.87%), C1 sebanyak 54 ikatan (8.84%), C2 sebanyak 20 ikatan (3.14%), dan C4 sebanyak 16 ikatan (2.51%). Dalam TM pula, C1 hadir sebanyak 16 ikatan (32.65%), C2 sebanyak 22 ikatan (44.90%), C3 sebanyak 3 ikatan (6.12%) dan C4 sebanyak 8 ikatan (16.33%). Tautan C5 tidak diperoleh dalam kedua-dua data teks kajian.

Elipsis menduduki tempat keempat dalam TK, iaitu sebanyak 10 ikatan (0.32%) dan kelima dalam TM, iaitu

sebanyak 27 ikatan (1.36%). Didapati ketiga-tiga subjenis elipsis hadir dalam TM, iaitu E1 sebanyak 20 ikatan (74.07%), E2 sebanyak 3 ikatan (11.11%) dan E3 sebanyak 4 ikatan (14.82%). Dalam TK hanya hadir dua jenis elipsis, iaitu E1 hadir sebanyak 9 ikatan (90.00%) dan E2 hanya hadir 1 ikatan (10.00%) sahaja.

Tautan jenis penggantian hadir di tempat kelima dalam TK, iaitu sebanyak 4 ikatan (0.13%) dan keenam dengan jumlah sebanyak 11 ikatan (0.55%). Hanya subjenis S2 dan S3 sahaja yang hadir dalam kedua-dua data kajian. Dalam TK, S2 dan S3, masing-masing hadir sebanyak 2 ikatan (50.00%) manakala dalam TM pula, S2 hadir sebanyak 6 ikatan (54.00%) dan S3 sebanyak 5 ikatan (45.55%).

Tautan jenis parafrasa berada ditempat keenam dalam TK dengan jumlah sebanyak 3 ikatan (0.10%) dalam TK dan keempat dalam TM, iaitu hadir sebanyak 29 ikatan (1.46%). Tautan jenis paralelisme yang hadir dalam TK sahaja, didapati hanya hadir 1 ikatan (0.03%).

Hasil analisis menunjukkan bahawa TM lebih runtut daripada TK. Didapati untuk mencapai tahap runtut terhadap kedua-dua teks kajian, tahap kefahaman responden adalah berbeza. Bagi TM, responden mencapai tahap runtut dengan sekali pembacaan sahaja berbanding dengan TK, iaitu memerlukan lebih sekali pembacaan.

Bagi mencapai tahap sangat runtut pula, keputusan analisis juga menunjukkan responden hanya perlu membaca sebanyak 2 kali pembacaan sahaja berbanding TK, iaitu sebanyak 3 kali dan lebih daripada 4 kali.

Tautan dan runtutan merupakan dua unsur utama yang mendasari sesebuah teks dan didapati saling berpengaruh antara satu sama lain. Hasil kajian menunjukkan bahawa wacana yang bertaut bergantung kepada penggunaan jenis dan subjenis tautan yang betul dan sesuai. Bagi mencapai tahap keruntutan pula bergantung kepada tahap dan kualiti pemahaman pembaca yang dibantu oleh faktor keterbacaan terhadap sesebuah teks. Sifat keterbacaan ini menghasilkan pemahaman, kelancaran dan kecepatan serta minat. Begitu juga dengan faktor latar belakang responden yang turut mempengaruhi hasil kajian.

Di sini, dapat disimpulkan bahawa teks yang baik mengandungi jenis dan subjenis tautan yang mencukupi, betul dan sesuai bagi menyediakan jalinan untuk mempermudah pemahaman pembaca terhadap sesebuah teks. Pencapaian tahap keruntutan tidak bersandar kepada kuantiti dan jarak tautan semata-mata tetapi juga disebabkan oleh faktor kebahasaan dan latar belakang responden. TK yang melibatkan lebih banyak penggunaan jenis dan subjenis tautan serta cenderung menggunakan jarak 1 tetapi hasil keputusan menunjukkan TK kurang runtut daripada TM. TM yang kurang menggunakan jenis dan

subjenis tautan dan lebih banyak menggunakan jarak 2, didapati lebih runtut daripada TK.

6.2 Cadangan Kajian Selanjutnya.

Kajian ini hanya merupakan sebahagian kecil pembicaraan mengenai tautan dan runtutan yang menumpukan perhatian terhadap dua teks bertulis, iaitu melibatkan teks klasik dan teks moden. Dicadangkan supaya kajian selanjutnya dapat dijalankan dengan menggunakan pendekatan dan data kajian yang berlainan.

Terbatasnya penggunaan peralatan seperti yang digunakan oleh sarjana Barat menyebabkan hasil penyelidikan agak terhad. Diharapkan juga agar penyelidikan seterusnya dapat menggunakan instrumen dan teknik yang lebih canggih supaya hasil kajian analisis wacana di negara kita lebih tuntas dan dapat memberi sumbangan dalam perkembangan bahasa Melayu.